

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HMT 321 – SEMANTIK BAHASA MALAYSIA**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

Jawab mana-mana EMPAT daripada LIMA soalan.

Setiap soalan diberi nilai markah yang sama.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. Jawab [a], [b] dan [c].

[a] Salin JADUAL 1 di bawah ini pada kertas jawapan anda dan lengkapkannya.

Tulis **TIADA** pada kotak yang sesuai jika tidak terdapat contoh leksikal yang sesuai.

JADUAL 1

CIRI	CONTOH KATA BAHASA MELAYU		
	HOMOGRAF	HOMOFON	HETERONIM
1. Sebutan S Ejaan S			
2. Sebutan L Ejaan L			
3. Sebutan L Ejaan S			
4. Sebutan S Ejaan L			
Petunjuk : S= Sama L= Lain			

[25 markah]

[b] Beri takrifan **homonimi**. Gunakan maklumat dalam jadual yang telah anda lengkapkan dalam [a] untuk menghuraikan perkaitan antara **homograf**, **homofon**, **heteronim** dan **homonim**.

[25 markah]

[c] Huraikan perbezaan dan persamaan antara **homonimi** dan **polisemi**. Bincangkan sejauh mana homonimi boleh menimbulkan ketaksaan. Gunakan contoh daripada JADUAL 1 untuk menghuraikannya. Anda mestilah memperlihatkan ketaksaan tersebut melalui contoh ayat yang sesuai.

[50 markah]

...3/-

2. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Dalam kalangan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, perkataan dalam **DATA A** di bawah ini digunakan dengan maksud yang lebih khusus. Huraikan hal tersebut.

DATA A	
i.	mengerat
ii.	menengok
iii.	memanggil
iv.	memotong
v.	mengerat
vi.	memakai

[20 markah]

- [b] Pasangan leksikal *emak-ibu* dan *mati-meninggal* masing-masing dikatakan bersinonim sepenuhnya. Bincangkan sejauh mana hal ini dapat diterima dalam komuniti yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda.

[40 markah]

- [c] Pasangan leksikal *basah-kering* dan *tinggi-rendah* adalah contoh antonim. Namun, jika kedua-dua pasangan ini dibandingkan dengan pasangan antonim *menang-kalah* dan *hidup-mati*, terdapat perbezaan antara kedua-dua kelompok antonim ini. Jelaskan perbezaan tersebut dengan menyertakan ujian-ujian yang sesuai.

[40 markah]

3. **DATA B** mengandungi ungkapan-ungkapan bahasa Melayu. Dengan menggunakan **Prinsip Komposisi**, huraikan bagaimana makna ungkapan-ungkapan tersebut diperolehi.

**DATA B**

- i. Kereta penarik
- ii. Penarik kereta itu
- iii. Kereta penarik itu
- iv. Itu kereta penarik.
- v. Baju terpakai itu
- vi. Tak terpakai saya baju itu.
- vii. Itu baju terpakai.
- viii. Dia membawa buku itu.
- ix. Dia membawakan saya buku itu.
- x. Dia duduk di atas bangku.
- xi. Dia menduduki bangku itu.
- xii. Mereka mendudukkan dia di atas bangku.
- xiii. Hanif mengahwini Haslin.
- xiv. Hanif mengahwinkan Haslin.
- xv. Hanif berkahwin dengan Haslin.
- xvi. ke sungai
- xvii. Badan Adam lebam-lebam terkena penangan buku limanya.

[100 markah]

4. Berdasarkan **DATA C** di bawah ini, jawab [a] dan [b].

**DATA C**

- i. Kuala Lumpur membidas hebat serangan Israel ke atas Lubnan.
- ii. Kuala Lumpur akan meneruskan rancangan membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.
- iii. Universiti mengenakan hukuman keras ke atas pelajar yang meniru dalam peperiksaan.
- iv. Universiti akan dibuka semula minggu depan.
- v. Dia sekarang sudah menjadi mafia Bukit Gelugor.
- vi. Tiba-tiba kedengaran bunyi kereta mengaum memecah kesunyian.
- vii. Itu kucing kesayangannya. Namun, tiada siapa pun yang sukakan haiwan itu.
- viii. Kami hanya dibekalkan dengan alat pembesar suara, padahal kami memerlukan peralatan siaraya yang lain juga.
- ix. Komputer ini tidak berfungsi kerana kabelnya rosak.
- x. Beras di dalam tong berbau hapak, nasi yang dimasak semalam pula sudah basi, telur pulak digorengnya dengan minyak yang sudah tengik, tetapi nasib baiklah ikan puyu yang disimpan dalam tempayan itu tidak \*padam.

- [a] Kenal pasti konsep-konsep semantik yang ingin dipaparkan melalui contoh-contoh dalam **DATA C** di atas . Nyatakan setiap konsep tersebut dan sertakan contoh yang sesuai.

[20 markah]

- [b] Huraikan setiap konsep yang telah anda kenal pasti dalam [a] dan buat perbandingan yang jelas antara konsep-konsep tersebut.

[80 markah]

5. Dengan merujuk kepada **DATA D**, jawab [a], [b] dan [c].

<b>DATA D</b>		
tebang	tebuk	kelar
hiris	tetas	cantas
gergaji	belah	tebas
tetak	kerat	
Sumber: diubah suai daripada Asmah Hj .Omar(1986), m.s 111-112		

- [a] Huraikan perbezaan makna yang terdapat dalam leksikal-  
leksikal yang mendukung konsep 'memotong' dalam **DATA D**.  
[50 markah]
- [b] Buat satu jadual fitur semantik untuk memaparkan makna bagi  
setiap leksikal yang anda huraikan dalam [a].  
[30 markah]
- [c] Gunakan leksikal dalam **DATA D** di atas untuk membina DUA  
pasang ayat yang mengandungi unsur penaabiran.  
[20 markah]